

U 8835 DEB  
MAHATHIR - AUSTRALIA

KOTA BAHARU, 29 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BEBERAPA AKHBAR DI AUSTRALIA MENUNJUKKAN REAKSI TIDAK BERSETUJU TERHADAP HUKUMAN MATI YANG DIKENAKAN KE ATAS DUA RAKYAT NEGARA ITU YANG MENGEDAR DADAH DI NEGARA INI KERANA MEREKA MEMPUNYAI KEPENTINGAN SENDIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA BEBERAPA AKHBAR YANG MEMBIAYAI KEDATANGAN SEORANG ANGGOTA KELUARGA SALAH SEORANG DARIPADA RAKYAT AUSTRALIA YANG DIJATUHI HUKUM ITU HENDAK MENDAPATKAN BAHAN BERITA UNTUK AKHBAR MEREKA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN BAHAWA BEBERAPA AKHBAR DAN MEDIA ELEKTRONIK AUSTRALIA TIDAK BERSETUJU DENGAN HUKUMAN ITU.

MEMANDANGKAN MEREKA SUDAH MEMBELANJAKAN WANG, MEREKA HENDAK MENDAPATKAN BALIK PULANGANNYA, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERTAMA UMNO BAHAGIAN KOK LANAS, DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG BARU-BARU INI BERADA DI AUSTRALIA BERKATA SEMASA BELIAU DI SANA TIADA PUN REAKSI TERHADAP HUKUMAN ITU DAN KEBANYAKAN RAKYAT NEGARA ITU BERSETUJU DENGAN HUKUMAN ITU. --  
BERNAMA

2114MST 29 06 86